



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**

**EKONOMI**  
**TINGKATAN 4**

**EDISI 2**



## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujarkan.

### **Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**

Timbalan Pengarah Kanan  
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.1	<b>KONSEP KEKURANGAN, PILIHAN DAN KOS LEPAS</b>	1.1.1	Mentakrif ilmu ekonomi.	1.1.5	Menganalisis sesuatu situasi untuk menerangkan kos lepas.		
		1.1.2	Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhad dan kehendak tidak terhad.	1.1.6	Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh.		
		1.1.3	Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.				
		1.1.4	Mendefinisikan kos lepas.				
		1.1.7	Menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan kos lepas.				
1.2	<b>SISTEM EKONOMI DAN PENYELESAIAN MASALAH ASAS EKONOMI</b>	1.2.1	Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan.	1.2.3	Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut.		
		1.2.2	Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran.	1.2.4	Menerangkan ciri-ciri utama ekonomi Islam.		

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.1	<b>KESEIMBANGAN PASARAN</b>	2.1.1	Menjelaskan hukum permintaan.	2.1.4	Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti diminta.		
		2.1.2	Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran.	2.1.5	Menjelaskan dengan gambar rajah penentu permintaan bukan harga menyebabkan perubahan dalam permintaan.		
		2.1.3	Menghuraikan penentu permintaan iaitu harga barang itu, harga barang lain, cita rasa, pendapatan, musim, jangkaan harga masa depan dan dasar kerajaan.	2.1.9	Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan.		
		2.1.6	Menerangkan hukum penawaran.	2.1.10	Menjelaskan dengan gambar rajah penentu penawaran bukan harga menyebabkan perubahan dalam penawaran.		
		2.1.7	Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk penawaran individu dan pasaran.	2.1.14	Menganalisis kesan perubahan permintaan atau perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran.		

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
		2.1.8	Menghuraikan penentu penawaran iaitu harga barang itu, harga faktor pengeluaran, cuaca, jangkaan harga masa depan, tingkat teknologi, matlamat pengeluar dan dasar kerajaan.				
		2.1.11	Menerangkan konsep keseimbangan pasaran.				
		2.1.12	Melukis rajah keseimbangan pasaran berdasarkan jadual permintaan dan penawaran pasaran.				
		2.1.13	Menjelaskan kesan lebih permintaan atau lebih penawaran ke atas harga dan kuantiti berdasarkan jadual dan rajah.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>2.2</b>	<b>KEANJALAN HARGA</b>	2.2.1	Menjelaskan konsep keanjalan harga permintaan dan membuat pengiraan mudah.	2.2.8	Menganalisis kepentingan keanjalan harga permintaan terhadap perubahan hasil firma dan perbelanjaan pengguna.		
		2.2.2	Menjelaskan keanjalan harga permintaan anjal dan keanjalan harga permintaan tak anjal berdasarkan rajah dan pekali keanjalan.				
		2.2.3	Menjelaskan penentu keanjalan permintaan.				
		2.2.4	Menerangkan hubungan antara perubahan dalam harga permintaan dengan perubahan dalam jumlah hasil bagi keanjalan yang berbeza.				
		2.2.5	Menjelaskan konsep keanjalan harga penawaran dan membuat pengiraan mudah.				
		2.2.6	Menjelaskan keanjalan harga penawaran anjal dan keanjalan harga penawaran tak anjal melalui gambar rajah.				
		2.2.7	Menjelaskan penentu keanjalan penawaran.				



Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.1	<b>WANG DAN BANK</b>	3.1.1	Menjelaskan fungsi wang.				
		3.1.2	Menjelaskan fungsi bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan.				
		3.1.3	Menjelaskan fungsi bank perdagangan dalam menerima deposit, memberi pinjaman, menerima dan membuat bayaran dan perkhidmatan lain.				
3.2	<b>PENDAPATAN INDIVIDU</b>	3.2.1	Mengklasifikasikan jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi.	3.2.4	Menjelaskan jenis-jenis pendapatan individu iaitu upah, sewa, faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan.		
		3.2.2	Menjelaskan kepentingan setiap sektor ekonomi dari segi pekerjaan mengikut <i>trend</i> di Malaysia.	3.2.5	Menganalisis kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi.		
		3.2.3	Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>3.3</b>	<b>PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU</b>	3.3.1	Menjelaskan konsep pendapatan boleh guna individu.	3.3.6	Mengetahui pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit.		
		3.3.2	Mengetahui pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji dari segi tujuan dan kesannya terhadap pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan pekerja.	3.3.7	Menganalisis fitur ekonomi yang terdapat dalam pembelian kredit seperti deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar.		
		3.3.3	Menjelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak.	3.3.11	Mengetahui pasti dan membandingkan strategi simpanan.		
		3.3.4	Menjelaskan penggunaan pendapatan boleh guna individu.	3.3.13	Membandingkan tahap risiko, pulangan dan kecairan berkaitan pelbagai jenis pelaburan peribadi.		
		3.3.5	Mengetahui pasti dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan.				
		3.3.8	Menjelaskan konsep belanjawan peribadi.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
		3.3.9	Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan/ pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing.				
		3.3.10	Menjelaskan kepentingan belanjawan peribadi.				
		3.3.12	Menerangkan konsep risiko dan pulangan dalam pelaburan.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4.1	<b>KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL</b>	4.1.1	Menjelaskan konsep pengeluaran.	4.1.5	Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output.		
		4.1.2	Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.				
		4.1.3	Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata.				
		4.1.4	Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan kos marginal berdasarkan jadual.				
		4.1.6	Menjelaskan konsep hasil dan untung.				
		4.1.7	Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung.				
		4.1.8	Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4.2	<b>PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI</b>	4.2.1	Menerangkan konsep produktiviti.	4.2.5	Menilai faedah sosial dan kos sosial berdasarkan contoh yang sesuai.		
		4.2.2	Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.				
		4.2.3	Menerangkan konsep eksternaliti.				
		4.2.4	Menjelaskan maksud kos sosial dan faedah sosial.				





**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**